

4 UA melonjak

■ Mutu pendidikan negara tunjuk peningkatan

Oleh Muhammad Saufi Hassan
saufi@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Peningkatan mutu pendidikan negara terbukti menerusi kedudukan empat universiti awam (UA) di negara ini yang menunjukkan peningkatan menerusi penarafan dibuat QS University Ranking: Asia sekali gus menunjukkan dasar pendidikan negara berada di haluan tepat.

Menteri Pendidikan II Datuk Seri Idris Jusoh berkata, empat universiti itu adalah Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Menurutnya, menerusi kedudukan itu yang dike-

luarkan QS University Ranking Asia, kedudukan UM meningkat daripada 32 kepada 29 diikuti USM (49), UTM (61) dan UPM (66).

“Kementerian mendedapati keputusan itu sangat membanggakan buat negara dan ia juga adalah satu bukti mutu pendidikan di negara ini berkualiti. Ia memberi petunjuk jelas bahawa dasar pendidikan negara berada pada haluan betul.

“Kita juga melihat bahawa setiap tahun berlaku peningkatan daripada kedudukan serta prestasi universiti tempatan dan saya yakin dalam masa dua tahun akan datang, pasti universiti kita berada dalam kelompok 100 terbaik negara,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas hadir dalam program taklimat peningkatan berterusan, Transformasi dan kejayaan pendidikan Malaysia di Pertubuhan Be-

rita Nasional Malaysia (BERNAMA), di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi BERNAMA Datuk Abdul Rahman Sulaiman.

Idris berkata, penarafan itu yang bermula sejak 2009 menjadi platform terbaik untuk menilai pencapaian universiti tempatan dan menjadikan lima universiti penyelidikan negara berada dalam kelompok 500 universiti terbaik di Asia.

Pada masa sama, Idris menyatakan program CEO@Universiti yang bermula hari ini di Universiti Teknologi MARA (UiTM) turut menampilkan beberapa tokoh terkemuka negara.

Katanya, program itu akan dimulakan dengan penampilan Pengarah Eksekutif Brainy Buch Islamic Monessori Datuk Seri Syed Zainal Abidin Syed Mohd Tahir dan selepas itu, ia akan menampilkan beberapa tokoh terkemuka lain.

FAKTA
Kedudukan
Universiti
Malaya
meningkat
daripada 32
kepada 29